



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**BAGI**

**MAJLIS PELANCARAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR  
DAN BANDAR RENDAH KARBON SEREMBAN 2027 DAN  
PELAN TINDAKAN KHAS PEMBAHARUAN PEKAN NILAI**

**20 MAC 2023, (ISNIN) JAM 9.00 PAGI**

**KLANA RESORT, SEREMBAN**

## **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT

**Salam Sejahtera, Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.  
Salam Malaysia Madani**

Yang Amat Berhormat,  
Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun  
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

Yang Berbahagia,  
Dato' Muhamad Nahar bin Mohd Sidek  
Timbalan Setiausaha Kerajaan

Yang Berhormat,  
Tuan Teo Kok Seong  
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru

Yang Berhormat,  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

TPr. Md Nazri bin Abdullah  
Timbalan Ketua Pengarah PLAN Malaysia

Ahli-Ahli Majlis,  
Majlis Bandaraya Seremban

Barisan Yang DiPertua,  
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan

Ketua-Ketua Jabatan  
Kerajaan Negeri Sembilan

Pemaju-Pemaju Perumahan

Rakan-Rakan Media Yang Sempat Hadir

Dan seterusnya

Para hadirin sekalian

1. Syukur Alhamdulillah, dengan izin dan limpah dari-Nya dapat juga kita sama-sama berkumpul bagi Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon Seremban 2027 dan Pelan Tindakan Khas Pembaharuan Pekan Nilai pada hari ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan di atas kesudian meluangkan masa bagi menghadiri majlis perasmian pelan tindakan ini.
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 200 orang tetamu yang hadir memeriahkan majlis pada hari ini dan tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada wakil daripada agensi teknikal kerajaan dan swasta yang turut hadir bagi memberi sokongan. Saya amat berbesar hati kerana berpeluang untuk bertemu dengan tuan-tuan dan puan-puan dalam program yang amat bermakna pada pagi ini.
3. Untuk makluman para hadirin sekalian, sejak pengisytiharan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) pada tahun 2020, Majlis telah bergerak secara proaktif bagi pembentukan pelan tindakan bandar pintar dan bandar rendah karbon. Perjalanan bermula dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pembangunan Mampan Majlis Bandaraya Seremban pada

Januari 2021 dengan misi ke arah tadbir urus bandar yang efisien dan mampan.

4. Usaha ini bermula dengan mengadakan beberapa siri *Focus Group Discussion* (FGD), Program *Townhall* serta kaji selidik awam bagi mendapatkan pandangan daripada agensi kerajaan dan swasta serta persatuan penduduk bagi memastikan perancangan pelaksanaan inisiatif bandar pintar dan rendah karbon di bandar Seremban dapat dilaksanakan dengan baik. Alhamdulillah, akhirnya, dengan usaha selama 6 bulan kajian yang telah dijalankan oleh pihak perunding bersama pasukan teras kajian, pada hari ini kita akan menyaksikan dokumen pelan tindakan yang telah diolah bersama melalui pandangan dan idea daripada pihak Tuan-tuan dan Puan-puan yang akan dijadikan panduan bagi semua agensi terutamanya pihak MBS dalam mencapai visi menjadikan Seremban sebuah bandar pintar dan bandar rendah karbon.

5. Majlis Bandaraya Seremban juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Unit Bandar Pintar, PLANMalaysia di atas khidmat nasihat dan kepakaran dalam penyediaan Pelan Tindakan ini. Sesungguhnya, Pelan Tindakan ini, amat penting sebagai panduan kepada PBT, agensi dan pihak berkepentingan bagi memandu arah perancangan dan pembangunan agenda bandar pintar dan bandar rendah karbon dalam menangani cabaran perbandaran serta sebagai satu menifestasi ke arah hasrat Negara sebagai Negara Pintar (*Smart Nation*).
  
6. Sejalan dengan Agenda Perbandaran Baharu (*New Urban Agenda*), Majlis Bandaraya Seremban juga telah mengamalkan prinsip persepakatan (*community engagement*) dengan semua lapisan masyarakat yang menekankan perbandaran mampan, kualiti hidup yang tinggi dan peluang sosial ekonomi saksama untuk semua iaitu "*Cities for All, Nobody Left Behind*".

## **CABARAN**

Para hadirin sekalian ,

7. Pada hari ini kita sedang menghadapi pelbagai cabaran perbandaran yang semakin mencabar dan perlu diberi perhatian. Contohnya peningkatan kadar perbandaran, kesesakkan lalu lintas, banjir kilat, pencemaran sungai dan udara, sumber kewangan dan peruntukan, pengurusan sisa pepejal dan pelbagai lagi. Menyedari isu dan cabaran agenda pembangunan mampan, khususnya kesan pemanasan global pada ketika ini, Majlis Bandaraya Seremban terus komited untuk menangani isu-isu perbandaran khususnya di Bandar Seremban melalui Pelan Tindakan ini.

## **KESEDIAAN DAN HASRAT MBS**

7. Untuk makluman para hadirin juga, Majlis Bandaraya Seremban telah melaksanakan sebanyak 36 inisiatif di mana 9 inisiatif di dalam status sedang dilaksanakan dan 18 inisiatif lagi berada dalam perancangan yang dijangka akan dilaksanakan secara berfasa. Manakala bagi inisiatif Bandar Rendah Karbon, Majlis Bandaraya Seremban telah

mencatatkan 15 inisiatif ke arah Bandar Rendah Karbon seperti pemasangan panel solar di Wisma MBS dan Pasar Besar Seremban. Tambahan lagi, pihak MBS telah menerima pengiktirafan oleh Malaysia *Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) bagi *Low Carbon Cities 2030 Challenge* (LCC2030 *Challenge*) bagi kategori *Partner* - iaitu Bangunan Wisma MBS di Forest Heights yang berjaya menerima *Diamond Award* dengan rekod 3 *Diamonds* dengan pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) sebanyak 16.91% sejak tahun 2020. Ini merupakan permulaan yg baik dan menunjukkan Majlis Bandaraya Seremban telah bersedia untuk menuju ke arah Bandar Pintar dan Rendah Karbon menjelang 2027.

Para hadirin sekalian,

8. Secara amnya, Majlis Bandaraya Seremban telah menerapkan inisiatif-inisiatif Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon pada sebelum ini, namun inisiatif-inisiatif tersebut tidak didokumentasikan dan dijadikan satu Pelan Tindakan untuk rujukan dan panduan. Oleh itu, Pelan Tindakan Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon Seremban 2027 ini dirangka secara menyeluruh



dengan Lima (5) Fokus utama iaitu yang pertama, Pengukuhan Infrastruktur Pendigitalan, yang kedua Permudah Pergerakan Mobiliti, yang ketiga Peningkatan Daya Tahan Bandar, yang keempat Persekitaran Mampan dan yang terakhir Pemerkasaan Komuniti. Kesemua fokus pembangunan ini dirangkulkan dengan 14 strategi dan 45 Tindakan Pelaksanaan.

9. Sehubungan dengan itu, melalui Kajian Pelan Tindakan ini saya berharap ianya dapat membantu Majlis Bandaraya Seremban dan semua pemegang taruh untuk merangka strategi pelaksanaan secara terperinci bagi merangka perancangan yang berterusan dalam merealisasikan bandar mampan sejajar dengan *Sustainable Goals Development* (SDGs).
10. Suka saya kongsi peruntukan Majlis Bandaraya Seremban telah memperuntukan sebanyak RM7.8 juta dalam perancangan pembangunan bandar pintar dan bandar rendah karbon bagi tahun 2023 seperti projek-projek menaiktaraf lampu HPSV sediaada kepada lampu jenis pemasangan lampu LED, pemasangan wifi, *smart* portal, naik taraf sistem Georis, sistem perakunan bersepadu, Geo Seremban fasa 1, sistem

e-kompaun, mobile apps, pembangunan myMBS, naik taraf i-lanskap dan *fleet management system*. Selain itu, terdapat program-program seperti menanam pokok, Pertandingan Komuniti Indah, Program *Go Green*, Local Agenda 21, Seremban Bebas Polisterin, Program Pengkomposan, *Fun Run* dan *Fun Ride* dengan anggaran peruntukan sejumlah RM270 Ribu.

11. Saya juga ingin memaklumkan bahawa majlis pada hari ini adalah termasuk Pelancaran bagi Pelan Tindakan Khas Pembaharuan Pekan Nilai, di mana pelan tindakan ini telah disiapkan pada November 2022 selama enam bulan dengan kerjasama pihak Pejabat Projek Zon Selatan (PPZS) Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Sembilan (PLANMalaysia) dan PLANMalaysia@Negeri Sembilan. Suka juga saya kongsi bahawa *e-scooter* BEAM telah dilancarkan di kawasan Seremban bermula dengan kawasan Seremban 2 (dengan tempoh percubaan selama 6 bulan). Ini merupakan salah satu inisiatif pihak majlis ke arah bandar rendah karbon yang memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak.

12. Saya yakin dan percaya dengan adanya dua (2) Pelan Tindakan ini, ianya mampu memberi imej dan perspektif yang baik terhadap Majlis Bandaraya Seremban serta dapat menarik lebih banyak pemegang taruh daripada dalam dan luar negara untuk melabur ke kawasan Daerah Seremban.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

13. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak urusetia program yang telah menjayakan program pada hari ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun dan para jemputan di atas kesudian meluangkan masa bagi menghadiri majlis perasmian pelan tindakan ini. Saya berharap agar semua pihak dapat memainkan peranan dan memantapkan pelaksanaan konsep Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon agar dapat menangani isu perbandaran serta mencapai matlamat bersama iaitu “Seremban ke Arah Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon Menjelang 2027”, InshaAllah.

14. Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN  
20 MAC 2023**